

5 MAR 1996

Mahathir-Rahim

MAJLIS TERTINGGI TERIMA PENJELASAN RAHIM

KUALA LUMPUR, 5 Mac (Bernama) -- Majlis Tertinggi (MT) UMNO hari ini menerima penjelasan Ketua Pemuda Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik bahawa beliau tidak membuat kenyataan supaya Perjanjian 20 Perkara membabitkan Sabah dan Sarawak semasa pembentukan Malaysia dihapuskan.

Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, MT berpuas hati dengan penjelasan Rahim pada mesyuarat itu berhubung laporan akhbar yang menyebut bekas Ketua Menteri Melaka itu sebagai mencadangkan supaya Perjanjian 20 Perkara itu dihapuskan.

"Dia (Rahim) menerangkan dia tidak sama sekali membuat kenyataan itu dan dia tidak tahu daripada punca mana kenyataan itu didapati oleh akhbar," katanya pada persidangan berita selepas mempengerusikan mesyuarat bulanan MT UMNO di ibu pejabat parti di Menara Dato' Onn di sini.

Menurut Perdana Menteri, Rahim amat kecewa dengan bermacam-macam tuduhan dan kecaman terhadap dirinya melalui akhbar.

"Saya dan rakan-rakan dalam MT berpuas hati bahawa penafiannya itu adalah benar iaitu dia tidak membuat kenyataan berkenaan," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau sendiri telah ditanya mengenai perkara itu dan pendiriannya ialah ia tidak ada kena mengena dengan cadangan mengurangkan kuasa Ketua Menteri Sabah.

Katanya, beliau tidak tahu kenapa perkara itu dibangkit.

Rahim memberitahu pemberita kemudiannya beliau tidak akan memanjangkan lagi perkara itu kerana penjelasan Dr Mahathir sudah mencukupi.

"Saya cuma menjawab soalan pemberita sama ada perjanjian 20 perkara boleh dikaji bersama dengan kuasa Ketua Menteri, dan saya jawab, kalau mahu iapun boleh dikaji semula, saya tidak kata hapuspun," kata Rahim.

Rahim berkata: "Kalau saya cakap tidak apalah... ini perkara yang tidak ada disebut, saya rasa sedih atas sikap yang tidak bertanggungjawab ini."

-- BERNAMA

NJ OBA.